

Occupational Therapy "Janji Ditepati"

16

Sub-Unit Hospital
Bersaing Sengit
Audit Amalan 5S

Apakah?
Intravenous
Urography

expedisi
Hari Keluarga



Benarkah Tapak Sulaiman
Alternatif Perubatan Baru?



MTQ
Hospital Rangkui Johan
Bukti An990ta Bukan
Sekadar Merawat

**LDP: Kursus
'Last Office'**

info
Pendidikan
Kesihatan
dyspepsia

Siapakah
Dinobat
APC 2013

Bagaimana
Etika
Berpakaian
Peniawat AWAM

**"24:150"
S.M.F.V.**

Aktiviti Minggu
PSI Sedunia

DAFTAR MENARIK

- 4 Pemulihan Cara Kerja : Janji Ditepati
- 5 Johan MTQ : Bukan Sekadar Merawat
- 5 PERKIPS : Majlis Khatan Perdana
- 6 Anugerah(APC) : 2012/13 Dinobatkan
- 7 Etika Berpakaian Penjawat Awam
- 7 LDP : Kursus Pengurusan Jenazah
- 8 Berita Bergambar Peristiwa Dipapar
- 9 Berita Bergambar Kenangan Diukir
- 10 Sengit : Audit Dalam Amalan 5S
- 10 Sambutan : Minggu PSI Sedunia
- 11 Pengenalan : Intravenous Urography
- 12 SMFV : Lawatan Ophthalmologist
- 13 Info Perubatan : Dyspepsia
- 14 Hari Keluarga di Pantai Malubang
- 15 Potrait Cinta Sepanjang Hayat
- 16 Dasar Kualiti Hospital Pitas

Perutusan



Pengarah Hospital



Setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Sidang Redaksi Buletin Hospital Pitas edisi ketujuh, tahun 2014. Keluaran ini memaparkan berita dan aktiviti sepanjang 2 tahun. Banyak peristiwa yang berlaku sepanjang tahun menunjukkan komitmen warga hospital menuju ke arah hospital cemerlang dengan memberi penekanan kepada penglibatan orang awam serta NGO di samping kebajikan kakitangan terus dipelihara.

Pada masa kini, harapan masyarakat terhadap profesion perubatan kian meningkat dan merupakan satu cabaran yang harus dipikul dengan sepenuh hati oleh warga kesihatan demi meningkatkan taraf kesihatan di negara kita supaya setaraf dengan negara lain di peringkat antarabangsa. Walaupun kita kehilangan banyak anggota yang berpengalaman, namun anggota yang masih mencurahkan bakti di sini pasti boleh menyambung usaha murni yang telah disemai sekian lama dan seterusnya lebih memantapkan lagi perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat setempat. Kita juga harus bersemangat waja dan bersama-sama menggembelng tenaga untuk mencapai misi hospital pada tahun 2014 ini iaitu mendapat pengiktirafan Baby Friendly Hospital Initiative, Akreditasi dan Amalan 5S. Semoga buletin kali ini dapat menjadi sumber inspirasi dan wadah pembakar semangat kerjasama sesama kita agar kita dapat terus menikmati keseronokan bekerja sepanjang masa.

Akhir kata, biarlah hidup kita yang singkat ini menjadi berkat dan manfaat kepada insan lain dan semoga kita terus melakukan yang terbaik untuk kesejahteraan negara. Kalau bukan kita, siapa lagi? Sekian.

Dr. Cammie Sukim
drcammie@moh.gov.my

JASAMU DIKENANG : Mantan Pengarah Hospital, Dr. Pg. Mohd. Nizam



Hari Keluarga 2012 yang lalu merupakan antara kenangan terindah kita dapat bersama mantan pengarah, Dr. Pg. Mohd Nizam dalam suasana kemeriahan riadah. Sepanjang keberadaan beliau di sini, beliau telah banyak menangani isu-isu Hospital Pitas untuk memastikan supaya perkhidmatan sentiasa berjalan lancar setiap hari walaupun berhadapan beberapa kekangan yang tidak dapat dielakkan.

Perwatakan beliau yang mesra dengan setiap kakitangan dan profesional memudahkan anggota selesa berurusan. Kita berasa amat bertuah berada di bawah naungan beliau selama dua tahun, yakni daripada 1 April 2011 sehingga 18 November 2013, terasa singkat.

Warga Hospital Pitas mendoakan supaya beliau dan keluarga akan sentiasa diberkati dan semoga beliau berkhidmat dengan lebih cemerlang pada masa hadapan di mana pun jua berada. Diucapkan ribuan terima kasih, salam hormat dan jasamu tetap dikenang.

Apa kata Editor,



Salam Sejahtera dan Salam Sihat 1 Malaysia,
Kita bersyukur kerana Buletin Hospital Pitas edisi 7 Bil.1/2014 ini dapat diterbitkan seperti yang dirancang. Sekalung tahniah saya ucapkan kepada sidang redaksi atas usaha, tenaga dan masa mereka dalam memastikan terbitnya buletin ini.

Sesungguhnya buletin ini merupakan satu perintis kepada penulisan ilmiah secara berterusan di masa akan datang di samping menjadi medium terbaik untuk menghebahkan berita atau rencana berkaitan bidang perubatan dan kesihatan, aktiviti warga hospital serta pelbagai panduan untuk dimanfaatkan oleh semua pembaca.

Akhir kata, kami berharap semua warga Hospital Pitas terus memberikan sokongan padu menjadikan buletin hospital sebagai wadah perkongsian ilmu. Sehingga bertemu lagi di keluaran akan datang. Salam hormat dan selamat maju jaya. Sekian.

EN. MIHARIL RUMINGGON
miharil@moh.gov.my

info Extra



SIDANG REDAKSI

buletin.hpitas@moh.gov.my



Pengarah Eksekutif : Dr. Cammie Sukim
Pengurus / Penyelaras Penerbitan : En. Patrick Morinka
Eksekutif Editorial : En. Miharil Ruminggong
Eksekutif Kewangan : Pn. Rupin Mositil
Eksekutif Promosi /Pengiklanan : En. Roman Maniset
Penasihat Editorial : En. Joseph Tai Jern Cherng
Pengurus Tugas-tugas Khas : En. Rayner Mawing

Pereka Grafik/Seni : En. Patrick Morinka
Ketua Unit Foto/Setiausaha : En. Paymond Mamat
Jurufoto : SRB Hospital Pitas & HMRC Pitas
Pengarah Kreatif : Pn. Norliitha Bundah

Grup Wartawan Kreatif :

Pn. Flora Akiam (Pengurusan)
Pn. Masliya Hawareh (Pentadbiran)
En. Azman Juadio (Fisioterapi)
En. Lutfi Ahmad Soid (Farmasi)
Pn. Hismah A. Daran (Wad Kanak-Kanak)
Pn. Neully Simpor (Wad Perempuan)
Pn. Asni Asmat (Dewan Bedah)
Pn. Rhona A/k David (Dewan Bersalin)
Pn. Ruzie Galibi (Unit Pesakit Luar)
Pn. Azwin Rasin (Kewangan)
Pn. Alinah Madrin (Sajian)

KUMPULAN PENGURUSAN MEDIA

Pengarah Hospital : Dr. Cammie Sukim
Ketua Pegawai Tadbir (Eksekutif) : En. Effendy Satah
Ketua Penolong Pegawai Perubatan : PPP. Jaimin Makajin
Ketua Unit Kualiti : Matron Taipa @ Ipah Lakasa
Ketua Unit Trauma & Kecemasan : PPP. Khairunain
Ketua Unit Pesakit Luar : PPP. Stephen Nogiris Sabala
Ketua Unit Dewan Bersalin : KJ. Lawasa Mojimbal
Ketua Unit Dewan Bedah : PPP. Jamlee Jam
Ketua Unit Wad Lelaki : KJ. Rupin Mositil
Ketua Unit Wad Perempuan : KJ. Jovinia Jaikol
Ketua Unit Wad Kanak-Kanak : KJ. Joanna Lahap
Ketua Unit Farmasi & Bekalan : En. Lui Kok Seong
Ketua Unit Patologi & Tabung Darah : En. Roman Maniset
Ketua Unit Pengimejan Diagnostik : En. Fazri Mohd Zakaria
Ketua Unit Bekalan Bahan Steril : JT. Follerinc @ Florence John
Ketua Unit Sajjan : Cik Nurul Ain Hassan
Ketua Unit Kerja Sosial Perubatan : Pn. Zarinah Paiman
Ketua Unit Teknologi Maklumat : En. Joseph Tai Jern Cherng
Ketua Unit Rehabilitasi : En. Azman Juadio
Ketua Unit Rekod Perubatan : En. Chin Tze Kee
Ketua Unit Hasil/Pendaftaran : En. Effendy Satah
Sub Unit Forensik : PPP. Miharil Ruminggong
Sub Unit Laktasi : JMK. Norsiah Kasah
Sub Unit Kawalan Infeksi : JT. Batie Bidin
Pengurus Faber Medi Serve/HSS : En. Rayner Mawing



Setinggi-tinggi penghargaan di atas segala ehsan dan kebenaran oleh ketua unit, **Unit Teknologi Maklumat dan Informasi (ICT)** Hospital Pitas untuk dapat **mence- tak** serta **menerbitkan** 50 naskah buletin untuk edaran setempat. Sokongan Committee of Pemandu Kualiti di Hospital Pitas, badan pelaksana Program Akreditasi serta Unit Kualiti Hospital Pitas.



PEMULIHAN CARAKERJA

Pemulihan Carakerja merupakan satu lagi bidang yang menumpukan kepada promosi dan penjagaan kesihatan melalui pekerjaan. Matlamatnya adalah untuk membolehkan pelanggan melibatkan diri dalam aktiviti kehidupan harian mereka. Jurupulih Carakerja mencapai matlamat ini dengan menggalakkan klien melakukan aktiviti yang meningkatkan keupayaan mereka berdasarkan aktiviti harian serta melakukan pengubahsuaian persekitaran pesakit.

VISI & MISI

Perkhidmatan Jurupulih Carakerja boleh di perolehi dan diaplikasikan pada semua tahap di dalam sistem penjagaan kesihatan dengan menggunakan ilmu pengetahuan, kemahiran yang tinggi dan kebolehan diri terapis dalam mengendalikan klien berdasarkan teknologi terkini untuk meningkatkan kualiti kehidupan pelanggan.



Mula beroperasi: **November 2009**
Ketua Unit: **Pn. Rafidah Ag. Badar.**
Waktu Operasi : **8am - 5pm** (waktu pejabat)
Setiap Isnin - Jumaat (kecuali cuti umum).
Sistem Operasi : **Temujanji Berkala** yang dikendalikan oleh seorang kakitangan **Jurupulih Perubatan (Carakerja) U29.**



Pressure Splint kepada pesakit



MODALITI PERKHIDMATAN UNIT PEMULIHAN CARAKERJA:

1. Penilaian aktiviti kehidupan harian (ADL)
2. Penilaian fizikal
3. Penilaian status mental
4. Penilaian persediaan ke sekolah bagi kanak-kanak
5. Penilaian kerusi roda
6. Penilaian pekerjaan/vokasional
7. Penilaian persekitaran rumah/tempat kerja/sekolah
8. Penilaian perkembangan kanak-kanak
9. Penilaian tingkah laku (behaviour assessment)
10. Latihan Activity Daily Living (ADL)
11. Pengubahsuaian peralatan (aids & adaptation)
12. Behavioral therapy
13. Creative therapy
14. Social skill training
15. Latihan menggunakan kerusi roda
16. Memberi pendidikan pesakit
17. Terapi relaksasi/Stress management
18. Latihan sensory
19. Latihan musculoskeletal
20. Splint & ortosis
21. Menjahit pakaian tekanan (pressure garment)
22. Latihan fine motor
23. Latihan kognitif

SKOP PERKHIDMATAN:

1. Musculoskeletal rehabilitation
2. Psychiatric rehabilitation
3. Paediatric rehabilitation
4. Hand & upper limb rehabilitation
5. Orthopedic rehabilitation
6. Medical rehabilitation
7. Geriatric rehabilitation
8. Neurology rehabilitation
9. Neurosurgery rehabilitation
10. Rheumatology rehabilitation
11. Cardiac rehabilitation
12. Burns rehabilitation
13. Spinal rehabilitation
14. Amputation rehabilitation
15. Community based rehabilitation
16. Neonatal rehabilitation

Antara peralatan ADL in Bath



Majlis MTQ : Tuan Rumah Majlis Tilawah Al-Quran & Festival Nasyid JKNS

"bukan sekadar merawat"



Majlis Tilawah Al-Quran & Festival Nasyid JKNS Peringkat Pantai Barat Utara tahun 2012, telah berlangsung pada 16 & 17 Mac di mana Hospital Pitas telah dipilih menjadi tuan rumah pada anjuran kali ini. Sebanyak 5 kontinjen yang mengambil bahagian iaitu Hospital Kota Marudu, Hospital Kudat, Hospital Kota Belud, Hospital Tuaran dan Hospital Pitas sendiri. Majlis ini telah diadakan di Dewan

Serbaguna Majlis Daerah Pitas dan dirasmikan oleh YB. Datuk Bolkiah Hj. Ismail, Pembantu Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah / ADUN N3 Pitas. Antara kategori yang dipertandingkan adalah hafazan, tilawah Al-Quran, nasyid dan pidato. Tuan rumah telah merangkul sebagai kontinjen terbaik dengan membawa pulang piala pusingan. Ini membuktikan bahawa anggota hospital bukan sekadar merawat.



Disediakan oleh : SN. Asni Asmat



Aktiviti PERKIPS Pitas Majlis Khatan Perdana

Bersempena cuti penggal akhir persekolahan, acara khatan beramai-ramai telah diadakan pada 22 Disember 2013 di Unit Pesakit Luar Hospital Pitas. Majlis berkhatan tahun ini adalah julung-julung kali dianjurkan oleh PERKIPS Pitas kerana mendapat kerjasama daripada beberapa persatuan jabatan kerajaan, antaranya ialah PERKIPS JKNS, PERKIPS OEH, Bahagian Pusat Zakat Sabah dan Yayasan Sabah Zon PBU Kudat. Seramai 87 kanak-kanak terlibat dalam majlis ini dan 30 orang

daripadanya adalah daripada Kota Kinabalu. Majlis ini berlangsung dari pukul 9am - 4pm yang telah dirasmikan oleh YB. Datuk Bolkiah Hj. Ismail, Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Negeri Sabah.

Dengan adanya kerjasama seumpama ini, akan dapat mengeratkan lagi silaturrahim di antara kakitangan JKNS khususnya ahli PERKIPS sendiri.



Antara wajah-wajah ceria sebelum dikhatankan oleh PPP Stephen dan Dr. Khairunaim

Disediakan oleh : SN. Asni Asmat

Penerima APC 2011 Dinobatkan

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG



Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2011 telah diadakan pada 28 November 2012 di Dewan Sekolah Kebangsaan Pitas II, peringkat Pantai Barat Utara Sabah. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Dr. Christina Rundi, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sabah dengan dihadiri oleh wakil-wakil dan juga para penerima anugerah perkhidmatan cemerlang dari 6 daerah yakni daripada Tuaran, Ranau, Kota Belud, Kota Marudu, Kudat dan Pitas.

Majlis dimulakan dengan bacaan ikrar oleh wakil daripada Hospital Pitas, En. Goodman Mositi, ucapan alu-aluan daripada Dr. Pg. Mohd. Nizam selaku Pengarah Hospital Pitas. Kemudian disempurnakan dengan penyampaian anugerah kepada kakitangan hospital anggota yang terpilih sebelum berakhir dengan sesi photography.



Majlis APC 2013

Tanggal 26 September 2013, Daerah Ranau telah dipilih menjadi tuan rumah untuk Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Bahagian Pantai Barat Utara untuk tahun 2012. Majlis yang bertempat di Dewan Biro Tatanegara tersebut adalah kesinambungan daripada majlis yang berlangsung di Daerah Pitas pada tahun sebelumnya.



Acara dimulakan dengan ucapan oleh Dr. Christina Rundi, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sabah dan



seterusnya paluan gong simbolik perasmian majlis. Antara penerima APC 2012 ialah Lui Kok Seong, Ady Ridzuan Oyong, Azwin Rasin, Terry Eddie, Chairin Osin, Kamaliah Juhailin, Fadila Yantam, Norelmah Alfia, Baznylawati Basir, Evalyen Kuruput, Rianin Katung, Olga N. Ambu, Azman Juadio, Rizan Aning, Rudis Rumanzau, Absar Hj. Aiyah. Acara diakhiri dengan sesi photography.



Cara berpakaian melambangkan keperibadian penjawat awam serta nilai-nilai dan etika kerja yang murni. Pakaian yang kemas, bersih dan bersesuaian adalah ditekankan untuk dijadikan amalan kepada penjawat awam berdasarkan pekelliling perkhidmatan awam, antaranya :

E t i k a B e r p a k a i a n P e n j a w a t A w a m

1. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 tahun 1985 (Pakaian Masa Bekerja dan Semasa Menghadiri Upacara-upacara Rasmi bagi Pegawai-pegawai Awam).
2. Perkara 6 Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.
3. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 tahun 2006 (Fesyen Pakaian Alternatif sebagai Pakaian Semasa Bekerja dan Menghadiri Upacara Rasmi).
4. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 tahun 2008 (Pemakaian Batik Malaysia oleh Pegawai Awam pada Hari Khamis).



Contoh cara berpakaian mengikut etika berpakaian penjawat awam



Contoh pakaian pegawai awam yang dibekalkan dengan pakaian seragam, WAJIB memakainya sepanjang waktu semasa hari bekerja.

Disediakan oleh : **Pn. Zarinah Paiman**

LDP : Kursus Pengurusan Jenazah 'Last Office'

Pengurusan Jenazah adalah Fardhu Kifayah yang wajib diketahui oleh semua orang muslim kerana bukan hanya terhad kepada pegawai syarak tetapi juga wajib dituntut oleh setiap orang yang beriman. Atas kesedaran ini, PERKIPS berinisiatif mengadakan kursus teori dan amali kepada anggota hospital perihal pengurusan jenazah demi membina wasilah bangsa yang beriman dan bertakwa dengan aura islam yang tulus.



Kursus ini telah disempurnakan dengan ucapan pengerusi iaitu En. Awang Nasran seterusnya dirasmikan oleh En. Norsalim Bin Salam, Ketua Pemuda UMNO P167 Kudat. Penceramah undangan khas oleh Ustaz Haji Awaluddin Nasution dan Hajjah Maria Hasibun daripada Unit Ukhuwah Bahagian Dakwah Jabatan Hal-Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS). Beliau amat berpengalaman dalam pengurusan jenazah, yang juga turut menerima kes pengurusan jenazah pesakit AIDS. Kursus yang bertempat di Bilik Seminar Utama Hospital Pitas berlangsung pada 23 November 2013, bermula jam 8.30 am hingga 4.30 pm.

Para peserta telah diberikan peralatan-peralatan untuk acara amali proses mengkafankan jenazah bagi mempraktikan ilmu yang telah disampaikan semasa sesi ceramah di awal program. Antara lain, sesi soal jawab turut diadakan yang meliputi persoalan terbuka

kepada permasalahan keagamaan. Alhamdulillah, secara keseluruhannya kursus tersebut telah berjaya mencapai objektif dan mendapat sambutan hebat dengan penyertaan lebih 30 orang. Insyallah, semoga kursus seumpama ini akan menjadi program tahunan untuk melahirkan generasi rabbani demi memperkasa syariah Allah berpandukan Al-Quran dan Sunnah Nabi.



Disediakan oleh: **Norhaidah Kadir**

berita bergambar



Peserta Advance BLS - bersama fasilitator

Bantu atur temujanji bagi Program Mencegah Kebutaan di Dewan Serbaguna Pitas



Bengkel Budaya Korporat - menang kuiz terbuka



Eye Screen pra-SMFV visiting specialist

Pengajar Ad. BLS undangan dari JKNS Latihan intubasi



Kursus 5S oleh En. Roman Maniset

Bengkel Kejururawatan oleh Matron Taipa



Jasamu Dikenang Hj. Mujin Atong



Lawatan tidak rasmi YB Bolkiah sempena MTO

Lawatan Dr. Farhah (Pakar Rehabilitasi) dari HOE- turun padang



Perhimpunan Bulanan di BSU setiap bulan



Santai & bincang kes antara MO di Dewan Bersalin



Hari Bersama Pelanggan - pesakit cuba menggunakan mikroskop sendiri



berita bergambar

peristiwa di papar



Ujian Kod of Professional Conduct (Kejururawatan)



Aktiviti Pesakit - Mobilizing Exercise for Knee O/A



CME: Blood Transfusion & Medication Safety by Mr. Lui Kok Seong



Sesi pendidikan kesihatan di JPL Pitas



Kursus Budaya Korporat oleh En. Efendy (EO hospital)



Pesakit datang ke Blood Bank hospital untuk menderma darah



Bengkel Pengurusan Laktasi 20 Jam



Kemah Derma Darah sempena ABO di Dewan Serbaguna Pitas



Team Blood Donation di SMK Pitas - pelajar Form 6 amat berminat



Lawatan tidak rasmi YB Bolkih sempena MTO



Lawatan Dr. Abdul Hamid Audit e-NOTIFIKASI PENYAKIT BERJANGKIT (DENGGE)



Aktiviti Blood Donation di SMK Pitas



Aktiviti Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia

r kenangan diukir

2013 Laporan Aktiviti AUDIT 5S

Demam 5S! Warga hospital di 16 buah unit berhempas pulas untuk menayakan projek 5S dan amalan dalam budaya kerja seharian. Pelbagai usaha dan kegiatan dijalankan dengan kepimpinan En. Roman Maniset selaku penyelarar implimentasi Amalan 5S di Hospital Pitas telah terbukti apabila audit dua kali setahun telah dijalankan oleh panel-panel penilai dalaman antara unit pada tahun 2013.

Mengikut Keputusan Panel Juru Audit Dalaman, Sesi Pertama yang berlangsung pada 3 hingga 5 April, di mana CSSU telah mendapat markah tertinggi sebanyak 96% mendahului pencapaian unit lain.


Kemudian, sesi audit dalaman yang kedua pada 8 hingga 10 Mei menunjukkan hamper semua unit telah memperbaiki pencapaian, namun secara keseluruhan agak dingin, iaitu

secara purata hanya 81.8% berbanding 86% yang sebelumnya. Namun CSSU masih mengungguli persaingannya dengan mempertahankan prestasinya sebanyak 96%, diikuti OT 89% dan seterusnya Rehabilitasi mencapai 87%.




Taukeh ini nak tutup kedai ke nak 'clear stock'? Antara aktiviti 5S wajib dijalankan di Unit Stor Perubatan. Audit Farmasi mencapai 81% pada sesi yang kedua.

Graf Bar : Audit Dalaman Sesi Pertama, 2013



Disediakan oleh : Pn. Rafidah Ag. Badar

Graf Bar : Audit Dalaman Sesi Kedua, 2013



Sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia

Setiap 1-7 Ogos

Pada 1 hingga 7 Ogos 2013, Unit Laktasi Hospital Pitas telah mengadakan Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia (MPSI) yang telah dibuka secara rasmi oleh PJ. Taipa Lakasa dan KJ. Jovinia Jaikol selaku penyelarar Laktasi Hospital Pitas dengan bantuan oleh JMK Norsiah Kasah sebagai Jururawat Laktasi. Banyak aktiviti – aktiviti telah dijalankan seperti berikut:

1. Memberi ceramah kepada ibu-ibu tentang kepentingan susu ibu kepada ibu dan bayi serta mengajarkan teknik pemerahan susu yang betul dengan tangan.
2. Menguji kefahaman ibu-ibu yang hadir melalui sesi kuiz
3. Memberi cendera hati kepada ibu-ibu yang bersalin dalam tempoh sepanjang minggu penyusuan berlangsung
4. Mempamerkan poster dan mengedar risalah yang berkaitan dengan penyusuan susu ibu kepada pelanggan



Pada 7 Ogos, jam 3.30 pm acara penutupan aktiviti MPSI telah disempurnakan oleh PJ. Taipa Lakasa dan KJ. Jovinia Jaikol.

Disediakan oleh : JM. Rhona a/k David

Perkhidmatan Baru! Intravenous IVU Urography



Berita untuk warga Pitas. Unit Pengimejan Diagnostik kini dinaiktaraf dengan adanya pemeriksaan IVU (*Intravenous Urography*) kini boleh ditawarkan di bawah arahan dan pengawasan oleh pegawai perubatan. Teknik ini merupakan satu prosedur yang agak mudah untuk melihat sebarang perubahan patologi atau obstruksi pada trek urinari secara kasar tanpa memerlukan mesin X-ray yang rumit. Jika sesuatu patologi gagal dicapai melalui IVU, maka modaliti pengimejan canggih seperti Computed Tomography Scan (CT Scan) atau Magnetic Resonance Imaging (MRI) adalah diperlukan. Namun, pemeriksaan IVU mempunyai beberapa risiko seperti radiasi dan media kontras yang digunakan.



Gambar yang tanpa media kontras



Gambar yang dimasukkan media kontras

Antara faktor risiko yang tinggi terhadap media kontras intravena adalah pesakit yang mempunyai:

1. Asma atau sejarah asma, atau terdapat alahan berkaitan asma.
2. Kegagalan hepar
3. Disyaki atau hypersensitif terhadap iodin.
4. Sickle-cell anaemia
5. Penggunaan Metformin (glucophage)
6. Pesakit yang mengandung

Oleh itu, pesakit haruslah diberi penerangan dan persediaan yang betul agar risiko-risiko tersebut dapat dikurangkan.

Info : Kontras Media

LOCM digunakan kerana ia dapat mengurangkan risiko kontras media, terutamanya bagi kumpulan berisiko tinggi. Dos kontras media bagi pesakit dewasa adalah 50ml (1ml/kg), manakala pesakit paediatric adalah 2ml/kg.

Indikasi Pemeriksaan IVU dan Prosedur :
patologi trek urinari yang disyaki seperti;

1. Batu karang
2. Stenosis
3. Polycystic Kidney
4. Horseshoe Kidney

Kontraindikasi Pemeriksaan IVU

1. Kegagalan buah pinggang
2. Myeloma
3. Staghorn Calculi
4. Akut abdomen
5. Pesakit pos-pembedahan abdomen
6. Pesakit yang mengalami pos-trauma abdomen
7. Wanita mengandung atau disyaki mengandung
8. Bayi
9. Pesakit yang terlalu tua (>65 tahun)
10. Pesakit yang mempunyai alahan terhadap media kontras.

Persediaan pesakit :

1. Pegawai Perubatan perlu mendapatkan borang keizinan pemeriksaan IVU yang ditandatangani oleh pesakit
2. Pesakit hanya dibenarkan memakan makanan yang lembut (soft diet) dan minum air banyak 2 hari sebelum pemeriksaan
3. Pesakit perlu mengambil Laxative 18 jam dan 12 jam sebelum pemeriksaan dijalankan
4. Puasa 10 jam sebelum pemeriksaan kecuali minum air jernih atau the sahaja
5. Pesakit dikehendaki datang tepat pada masa temujanji yang telah ditetapkan untuk mengelakkan prosedur ditunda.
6. Bagi pesakit yang ada alahan, T. Prednisolon 40mg boleh diberi 12 jam sebelum IVU, dan 40mg lagi sebelum 2 jam yang terakhir.

"24:150" PROGRAM BERSEPADU S.M.F.V. Lawatan Berkala Ophthalmologist

Sinar harapan warga Pitas

Penglihatan yang sihat adalah tunjang kehidupan yang bahagia. Hospital Pitas adalah di antara kemudahan pembangunan kesihatan untuk menggalas tanggungjawab penjagaan mata di peringkat primer dan khidmat kepakaran mata melalui Program Lawatan Pakar Mata (SMFV) di Hospital Pitas secara berkala iaitu 3 kali setahun.



Dr. S. Zaini dan Dr. Wong Yee Tang memeriksa pesakit sebelum pembedahan berlangsung



Segenung harapan untuk dapat melihat adalah impian setiap pesakit

Untuk itu, Hospital Pitas telah diselaraskan menjadi rangkaian perkhidmatan primer untuk mengesan dan menyaring pesakit yang bermasalah dari segi penglihatan. Ini terbukti apabila statistik 2013 telah menunjukkan, seramai lebih 150 pesakit telah mendapatkan khidmat rawatan secara langsung yang mana, 24 orang daripadanya telah menjalani pembedahan mata oleh Pakar Mata.

Selain itu, badan-badan bukan kerajaan (NGO) seperti Rotary Club Likas, Asian Forestry Company dan juga PERKIPS Sabah dengan diterajui oleh Mercy Malaysia turut menyumbang peranan yang aktif melalui pelbagai program yakni Kempen Mencegah Kebutaan (ABO) di Daerah Pitas iaitu pada September 2012 dan Mei 2013.



Antara sukarelawan Hospital Pitas yang ceria dan ikhlas menyumbang bakti kepada masyarakat semasa ABO berlangsung

Dengan penuh dedikasi, 20 orang anggota sukarelawan Hospital Pitas dan anggota Jabatan Pakar Mata HOE Sabah turut mengambil bahagian. Program ABO telah berjaya menyaring lebih 800 orang dan menyumbang cermin mata percuma sebanyak 225 buah kepada pelanggan yang layak sebagai tanda keprihatinan pihak swasta (NGO) menyahut seruan kementerian kesihatan untuk meningkatkan taraf kesihatan warga setempat di Daerah Pitas.

Disediakan oleh : PPP Patrick Morinka



Screening Mata setiap bulan di Unit Pesakit Luar Hospital Pitas



Pemeriksaan tanda vital sebelum saringan mata pesakit yang baru datang

Para pelanggan duduk berbaris setia menunggu giliran di dalam Dewan Masyarakat Pitas



Dr. Wong dan Dr. Ghan sedang menjabarkan proses rawatan yang akan diberikan kepada pesakit

info Pendidikan Kesehatan

DYSPEPSIA



What is **dyspepsia**?
Dyspepsia is upper abdominal pain or discomfort that is episodic or persistent and often associated with belching, bloating, heartburn, nausea or vomiting.

What are the **symptoms** of dyspepsia?

- Upper abdominal pain
- Belching
- Nausea (with or without vomiting)
- Abdominal bloating
- Early satiety
- Abdominal distension

What are the **causes** of dyspepsia?

- Irritable bowel syndrome
- Peptic ulcer disease (PUD) - with or without Helicobacter pylori
- Gastroesophageal reflux disease (GORD)
- Upper GI bleeding (UGIB)
- Gastritis
- Medications-induced (aspirin, NSAID, acarbose)
- Lactose intolerance
- Gastroparesis
- Biliary tract disease
- Pancreatitis
- Malignancy

What are the **risk factors**?

- Smoking
- Psychological stress
- Spicy food, high fat diet
- Overeating
- Caffeine
- Alcohol
- curry powder
- citrus fruits

Investigations

1. FBC - to exclude anaemia by UGIB
2. BUSE, creat - if concurrent with GI loss
3. LFT - if biliary tract disease suspected
4. Amylase - if pancreatitis suspected

How do we **manage** dyspepsia?

Non pharmacological

- Small frequent meal (6x daily, or every 4hly)
- Avoidance of risk factors/triggers
- Consume gastritis diet – most alkaline foods




Pharmacological

- Ranitidine - H2 receptor antagonist
- Omeprazole/Pantoprazole/Esomeprazole – Proton pump inhibitor
- Magnesium trisilicate – Antacid
- H. pylori eradication therapy

Endoscopy, indications :

- UGIB/PUD/Suspected gastritis
- Suspected malignancy of GI tract
- Severe/persistent dyspepsia not responding to optimum treatment



Prepared by:

Dr. Nur Syuhada Zainol Abidin

Hari Keluarga Pantai Malubang & Supirak

Benarkah Tapak Sulaiman Alternatif Perubatan Baru?

Hari Keluarga Hospital Pitas bagi tahun 2012 kini bertandang merantau sambil menghirup udara segar dan menikmati keindahan alam hutan dara di tepi Pantai Malubang dan Kapal Supirak. Indah berita didengar, lebih indah bila dilihat dengan mata sendiri, apakah benar Kapal Supirak masih berkemudi dengan enjin kuasa alam.

Apakah benar aktiviti 'outing' hari keluarga kali ini masih bertemakan ekspedisi kelurga atau sebenarnya sebuah trip menjejak sumber alternatif perubatan baru seperti 'Asteroidea'

atau tapak sulaiman? Jawapannya hanya bergantung kepada testimoni anggota yang telah menyertainya. Masakan tidak, harga tapak sulaiman ini bakal melambung tinggi jika ia dapat dibuktikan sebagai sumber perubatan terbaru. Pengerusinya, Puan Olga bagaimanapun enggan mengulas jawapan ketika ini.

Pada tanggal 30 November 2012 rombongan Hospital Pitas yang diketuai oleh pengarah hospital sendiri berjaya menjejak kaki di bumi Malubang. Walaupun penglibatan anggota hospital tidak memuaskan, namun bagi mereka yang sempat meluang masa, masih dapat menikmati pengalaman dan keseronokan yang tidak terucapkan apatah lagi bersama pasangan romantik masing-masing beserta keluarga tersayang.

Antara aktiviti sukaneka yang dijalankan ialah :

1. Mencari siput dan gamat di pantai
2. Jelajah denai merentas pantai Kapal Supirak
3. Acara memanjat tangga jeti & Istana Pasir
4. Acara BBQ untuk jamuan tengahari



Kenangan yang terpahat di pantai malubang merupakan pengalaman indah buat warga hospital terutamanya rakan sejawat yang kini sudah berpindah.

Disediakan oleh : JM Ruzina Galibi

Sambutan Hari Raya Hospital

Hospital Pitas telah mengadakan sambutan Hari Raya Aidilfitri bersama pengarah hospital, Dr. Pg. Mohd. Nizam dan isterinya Dr. Hasnizah Hasan pada 3 September 2013 yang telah dihadiri oleh 150 orang kakitangan Hospital Pitas daripada pelbagai anutan agama dan bangsa. Acara tersebut telah berjaya diadakan di ruangan koridor depan Pejabat Am hospital dengan peruntukan daripada Jabatan Kesihatan Negeri Sabah kepada pihak hospital bagi menghargai semua kakitangan, khususnya anggota telah bertugas dengan gigih sepanjang ramadhan dan anggota muslim yang bekerja pada Hari Raya Aidilfitri bulan Ogos yang lalu. Sedetik masa santai diraih bersama pengarah dan semua anggota sebenarnya mewujudkan ikatan



Potrait

Sepanjang Hayat
"Cinta sejati bersatu"

**Joanna Joniau &
Sikh Indra jeffridin**
15.11.2013



Adderly Jius & Azline Henry
11 April 2013



**Mohd Faizal Mohd Ridwan
Gasuti Ganai & Aisah Buntiyu**
27.04.2012



**RUZIE &
BERNARD**
23.11.2013



**Effendy Satah
&
Salbiah Nordin**
02.06.2013



**Reno Maidin &
Easter Lize**
11.12.2013



Zarinah Paiman & Mohd Izuan Sahak
09.02.13



**Sarimah Pendikar
& Alfian Jaimin**
10.08.2013



**Lawra Majintang
& Jewi**
23.12.2013



Kementerian Kesihatan
Malaysia

DASAR KUALITI

HOSPITAL PITAS

Hospital Pitas akan berusaha mewujudkan individu, keluarga dan masyarakat yang sihat dan makmur berteraskan perkhidmatan perubatan yang berkualiti melalui pasukan personnel yang terlatih, mahir, berkomitmen, inovatif, proaktif dan prihatin dengan perkongsian dan penglibatan masyarakat setempat yang berterusan.

Hospital Pitas akan memberi kemudahan rawatan perubatan yang berkualiti kepada masyarakat dengan cekap, berkesan dan telus berdasarkan prinsip-prinsip

Budaya Korporat
Kementerian Kesihatan
Malaysia.

 **HOSPITAL
PITAS**

LOBBY UTAMA